

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 8/1969**

**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
SELANGOR BIL 4/1969 BERTARIKH 28HB NOVEMBER1969
BIL. (8) DLM. P.T.G. SEL. 0.223 (SJ. 4)**

Saya menarik perhatian kepada perenggan 4 dalam Pekeliling tersebut di atas serta memaklumkan oleh sebab Kerajaan telah meluluskan pemindaan cukai di bawah seksyen 80(4) Kanun Tanah Negara bagi tanah-tanah yang dipegang sebagai "Approved Applications" mulai 1hb Januari 1970 sebagai yang telah dimaklumkan kepada tuan melalui Pekeliling Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Selangor Bil. 7/1969 (Bil. (7) dlm. PTG. Sel. 0.223 (SJ. 4) bertarikh 17hb Disember 1969, maka tuan bolehlah terus melayan permintaan-permintaan daripada pemegang-pemegang tanah seperti itu untuk pengeluaran Geran-Geran Sementara dan mengeluarkan Geran-geran Sementara yang dipohon itu. Selepas cukai-cukai tanah itu dipinda mengikut Pekeliling-Pekelilingan Pesuruhjaya Tanah dan Galian, Selangor Bil. 7/1969 itu.

T.T
(RAJA SHAH KOBAT BIN RAJA HAMZAH)
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN
SELANGOR

PTG.Sel. 0.223(SJ .4) (8)

KUALA LUMPUR
30HB DISEMBER 1969